This research aimed at studying the impact of Al-Alaq Teaching Module (MPaA), which is based on the Theory of Multiple Intelligences, on the enhancement of basic al-Quran recitation skills among year one students. The MPaA was developed using ADDIE Instructional Model as a module construction guide. The validated module was tested on its effect and quality in improving the achievement of basic Quran recitation skills among the respondents. A total of three Islamic Education teachers collaboratively acted as facilitators while conducting the MPaA intervention. The research respondents were selected using the purposive sampling technique consisting of 44 year one students to assess the effect of the module and seven-year one Islamic Education teachers who used MPaA directly and indirectly to assess the quality of the module. This research applied a pre-experimental design comprising both a pre-test and a post-test as to evaluate the effect of the module and the I-CVI and S-CVI methods to assemble the expert agreement. The inferential statistical test namely the ANOVA Repeated Test was used to test the study hypotheses. The I-CVI and S-CVI methods were used to collect expert consensus on three aspects of module quality: content quality, possible effectiveness quality, and user satisfaction quality. The findings of the study show that MPaA can have an impact and consistency of impact on improving the achievement of basic Quran recitation skills among the respondents. However, the *hijaiyah* word recitation skills involving the *Tanwin* and *Shaddah* marks did not portray consistency in the achievement improvement effect,

and this was probably due to the difficulty in mastering those skills, requiring more time to practise the method. The implications of this study suggest that MPaA be attempted by Islamic Education teachers in their teaching sessions in order to improve the achievement of basic al-Quran recitation skills among year one students. As for future research, it is recommended that a comparative study be conducted comparing elements of the current module and of the existing modules so improvement can be worked out in ensuring effective teaching of basic Quran recitation skills.

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Pendidikan al-Quran merupakan salah satu bidang penting dalam Pendidikan Islam. Manakala Pendidikan Islam pula merupakan subjek teras yang perlu diajar kepada semua murid Islam dalam sistem persekolahan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang mempunyai bilangan murid paling minimum seramai lima orang dalam sesebuah kelas (Misnan et al., 2014). Oleh itu, dengan terlaksananya Program j-QAF pada tahun 2005 dapat memperkasa lagi semua bidang yang terdapat dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan (Ab. Halim et al., 2013; Nizah & Asran, 2005). Bidang-bidang tersebut seperti, Hadis, Aqidah, al-Quran, Sirah, Ibadah, Adab dan Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Penekanan kepada Pendidikan al-Quran ini adalah selari dengan matlamat falsafah Pendidikan Islam. Falsafah Pendidikan Islam adalah usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah untuk membentuk sikap, kemahiran, keperibadian akhlak yang murni berpandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab bagi membentuk diri, masyarakat serta membangunkan alam sekitar dan negara ke arah mencapai keharmonian di dunia dan akhirat (Semakan Kurikulum Pendidikan Islam & Bahasa Arab, 2003). Secara umumnya matlamat Falsafah Pendidikan Islam bertujuan untuk menghasilkan individu muslim yang syumul dalam semua aspek keperibadian dan akhlak yang terpuji bagi menjadi hamba Allah yang semulia-

mulianya di sisi Allah dan manusia. Usaha ini boleh tercapai jika Pendidikan al-Quran dan penghayatannya dapat diteladani sepanjang kehidupan manusia.

## 1.2 Latar Belakang

Pendidikan al-Quran tidak boleh dipisahkan daripada jiwa individu muslim kerana bidang keilmuan ini melibatkan kepercayaan yang wajib diimani kerana ia jelas termaktub dalam rukun iman yang ketiga. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi penekanan terhadap Pendidikan al-Quran di peringkat sekolah kebangsaan mahupun di sekolah menengah kebangsaan untuk mempelajari kemahiran bacaan dan mendalami kefahaman pengajaran yang terdapat dalamnya. Penekanan sangat diberikan di peringkat sekolah kebangsaan kerana di situ bermula peringkat awal asuhan kemahiran asas bacaan al-Quran yang perlu diberi perhatian. Jika di peringkat kemahiran asas gagal dikuasai dengan baik, maka hal ini akan memberi kesan kepada penguasaan bacaan al-Quran di peringkat yang seterusnya. Penubuhan program j-QAF oleh KPM amat wajar kerana program ini akan membantu memperkukuh lagi pengajaran al-Quran di peringkat sekolah kebangsaan.

Sejak tahun 1995 hingga 2004, penyelidik mendapati terdapat banyak kajian dalam Pendidikan Islam yang telah dilakukan untuk mengenal pasti keberkesanan pengajaran al-Quran menggunakan kaedah *Iqra* di sekolah-sekolah kebangsaan Malaysia. Kajian-kajian tersebut seperti Farehan (2000); Madihah (1992); Maimunah, (1995); Mohd Yusuf, (1997); Siti Fatimah (2000) dan juga kajian lain yang dinyatakan oleh Aderi & Noh (2009) seperti kajian Mohamad Sabri (2001); Mohd Aderi (2008); Raihan Mohd Nordin ( 2000); Ramlan (2000); Ramli (2000). Hasil dapatan kajian-kajian tersebut mendapati masih ramai lagi murid di sekolah kebangsaan tidak mampu membaca al-Quran dengan baik (Yakub@Zulkifli & Saidi, 2008).

Bagi mengatasi masalah tersebut menjelang tahun 2005 program j-QAF telah diwujudkan bagi memantapkan Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (Ab. Halim et al., 2013). Setelah pelaksanaan Program j-QAF sepanjang tahun 2008 hingga 2010 kebanyakan penyelidik seterusnya memberi fokus dalam kajian mereka terhadap keberkesanan program j-QAF dan keberkesanan kaedah *Iqra* dalam meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran di sekolah kebangsaan. Rumusan dapatan-dapatan kajian tersebut telah menemukan bahawa tahap pencapaian bacaan al-Quran di peringkat sekolah kebangsaan dan menengah kebangsaan telah meningkat (Nurfadilah, 2013). Namun begitu, tahap penguasaan tersebut masih berada pada tahap sederhana dan tidak mencapai matlamat yang disasarkan. Isu ini turut dinyatakan oleh (Amri et al., 2010; Ismail et al., 2014). Mohd Naim (2008) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa penguasaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah kebangsaan masih berada pada tahap sederhana dan lemah. Dapatan ini juga disokong oleh (Ahmad Tamizi & Rabiatul Adawiah, 2020; Rashidah, 2017).

Berdasarkan kajian literatur, penyelidik mendapati perkembangan penyelidikan tentang ketidakupayaan murid membaca al-Quran pada masa ini, mula berubah arah kepada pencarian faktor-faktor dan penyelesaian kepada isu kelemahan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid yang masih belum selesai sepenuhnya. Beberapa kajian yang dijalankan menemui beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah tersebut seperti kaedah dan teknik pengajaran yang tidak berkesan yang menyebabkan kurang minat murid terhadap pembelajaran al-Quran, kekurangan peranan ibu bapa dalam membantu murid membaca al-Quran di rumah, peruntukan masa yang tidak mencukupi serta guru yang mempunyai pelbagai latar belakang tidak mampu mengajar kemahiran dengan baik. Mereka turut

mencadangkan agar kaedah dan teknik pengajaran perlu dipertingkatkan mengikut perkembangan dan pembelajaran terkini. (Ab. Halim et al., 2013; Daud et al., 2014; Misnan et al., 2014; Mohd Hanafi & Hamdi, 2016; Sapie et al., 2018).

Natijah daripada sorotan kajian yang dilakukan dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat banyak kajian lepas menghasilkan modul pengajaran al-Quran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, bagi membantu guru-guru dan murid-murid khususnya Tahun Satu mempelajari kemahiran bacaan asas al-Quran dengan lebih berkesan. Hal ini adalah kerana, penyelesaian masalah murid tidak dapat menguasai bacaan al-Quran perlu dilihat dari peringkat akar umbi lagi iaitu pada peringkat kemahiran asas-bacaan al-Quran. Apabila peringkat asas sudah mantap, maka murid akan lebih mudah untuk menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran yang berikutnya dengan lebih cepat.

Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan bagi menghasilkan satu modul pengajaran alternatif untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas bacaan al-Quran Tahun Satu berlandaskan teori yang sesuai dengan tahap keupayaan mereka yang bernama Modul Pengajaran al-Alaq. Modul Pengajaran al-Alaq ini dihasilkan berlandaskan Teori Kecerdasan Pelbagai (Gardner, 1991) Model Pemprosesan Maklumat (Atkinson & Shiffrin, 1968), Model Dale Kerucut Pengalaman (1956) dan Model Bacaan Interaktif (Stanovich, 1980; Rumelhart, 1977).

## 1.3 Pernyataan Masalah

Isu ketiadaan modul pengajaran kemahiran asas bacaan al-Quran di kalangan murid Tahun Satu yang sesuai dan sistematik menyebabkan kesukaran para guru Pendidikan Islam tahun satu untuk membantu murid-murid tersebut meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran (Ahmad Tamizi & Rabiatul Adawiah, 2020). Ini adalah kerana penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah kebangsaan perlu diberi perhatian secara serius kerana kegagalan menguasai kemahiran tersebut akan memberi impak kepada kemahiran bacaan al-Quran mereka pada peringkat sekolah menengah, universiti seterusnya kehidupan harian mereka sebagai muslim. Berdasarkan tinjauan literatur kajian penyelidik mendapati penguasaan kemahiran asas bacaan al-Quran pada peringkat sekolah kebangsaan masih di tahap lemah dan tidak memuaskan (Azarudin et al., 2011; Azmil et al., 2013; Fairuz, 2011; Rashidah, 2017; Sapie et al., 2018). Malah masih ada lagi dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah kebangsaan dan juga di pusat pengajian tinggi dilabelkan sebagai buta huruf (Norsyida et al., 2014; Wan et al., 2014). Hal ini dapat dibuktikan dalam data e-pelaporan j-QAF 2017 dan 2018, menggambarkan situasi berikut apabila penguasaan murid Tahun Satu terhadap pencapaian penguasaan kemahiran bacaan asas al-Quran (Iqra) di negeri Kedah pada tahun 2017, adalah seperti berikut. Sebanyak 6.69 % murid Tahun Satu yang dapat dan boleh membaca al-Quran, 36.50 % murid lagi dapat menguasai bacaan Iqra satu hingga Iqra empat. Manakala murid yang masih berada di tahap Iqra satu hingga Iqra tiga adalah sebanyak 63.54 %. Murid yang kekal berada di Iqra satu ialah sebanyak 16.22 %. Ini merumuskan bahawa seramai 1766 murid sahaja yang dapat membaca al-Quran secara hakiki daripada jumlah keseluruhan murid Tahun Satu iaitu 26386 murid pada tahun 2017. Manakala murid yang dapat menguasai Iqra tiga hingga Iqra empat hanya seramai 9632 orang murid

dan 16764 orang murid yang masih berada di Iqra 1 hingga Iqra 3 dan 4281 orang murid yang masih di Iqra satu.

Statistik e-pelaporan penguasaan Iqra Tahun Satu negeri Kedah 2017 ini turut selari dengan statistik pencapaian Iqra Tahun Satu dalam program j-QAF di negeri Pulau Pinang 2018. Dapatan menunjukkan negeri Pulau Pinang menghadapi masalah yang hampir sama dengan pencapaian Iqra Tahun Satu negeri Kedah. Merujuk data e-pelaporan j-QAF Oktober, Pulau Pinang, 2018 sebanyak 64.14 % murid Tahun Satu kekal berada di tahap Iqra satu hingga Iqra tiga di penghujung persekolahan 2018 di negeri Pulau Pinang. Ini bermakna seramai 7964 daripada 12416 murid Tahun Satu tidak mencapai KPI dan seramai 35.14 % murid bersamaan 4452 murid sahaja yang melepasi KPI Tahun Satu 2018. Isu ini turut dihadapi di negeri Perlis dan Perak masing-masing mengalami masalah penguasaan Iqra di Tahun Satu yang tidak mencapai tahap KPI yang telah ditetapkan oleh KPM iaitu Perak sebanyak 65% murid dan Perlis 64% yang masih berada di tahap Iqra 1 hingga Iqra 3 di penghujung tahun 2018 (KPM, 2018). Paten pencapaian penguasaan Iqra ini hampir serupa dengan pencapaian Iqra Tahun Satu di negeri Kedah.

Terdapat pelbagai kaedah dan teknik serta modul pembelajaran al-Quran di pasaran yang bersifat komersial bertujuan untuk membantu dan membimbing individu-individu yang ingin mempelajari bacaan al-Quran khususnya di Malaysia mengikut cara tersendiri. Antara kaedah terkenal yang terdapat di pasaran seperti kaedah Baghdadi, kaedah Iqra, kaedah al-Matein, kaedah Hattawiyah, kaedah Iqra at-Taisir, kaedah Haraki dan teknik al- Baghdadi. Berpandukan analisis dokumen yang dijalankan, penyelidik menganalisis kelebihan dan kekurangan modul-modul dan kaedah-kaedah tersebut yang dinyatakan dalam Jadual 2.5 dalam Bab 2. Secara umumnya, penyelidik merumuskan bahawa modul sedia ada yang dinyatakan tidak

membantu murid-murid tahun satu meningkatkan pencapaian kemahiran asas mereka. Ini adalah kerana modul tersebut tidak berfokus dan khusus kepada guru sebagai panduan penggunaan mereka di dalam kelas untuk mengajar murid-murid Tahun Satu tentang kemahiran asas bacaan al-Quran yang dipelajari. sebaliknya disediakan secara umum, tidak berfokus dan boleh digunakan semua peringkat umur. Tambahan pula modul tersebut seperti kaedah Iqra, hanya sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran secara individu bukan di dalam kelas (kumpulan yang ramai di dalam kelas). Namun begitu, ada juga modul yang disediakan secara kelas tetapi tidak sesuai digunakan untuk murid Tahun Satu seperti Teknik Baghdadi kerana penggunaan bahan bantu seperti alat ketuk tidak sesuai digunakan oleh murid-murid Tahun Satu kerana melibatkan aspek keselamatan. Di samping itu, pendekatan yang digunakan lebih cenderung kepada nada ketukan yang sekata. Jika kerap diulangi akan membosankan murid. Teknik Baghdadi juga tidak memberi fokus kepada sasaran pengguna sebaliknya lebih terbuka dan boleh digunakan secara umum pada semua peringkat usia. Begitu juga dengan kaedah Haraki menggunakan pergerakan sebagai fokus utama dalam kaedah ini dan tiada fokus pengguna serta boleh digunakan pada semua peringkat umur.

Berdasarkan matrik kajian yang dijalankan penyelidik terhadap tiga belas kajian penyelidikan pembinaan modul didapati penggunaan modul yang dihasilkan dalam pengajaran dan pembelajaran terbukti dapat meningkatkan pencapaian para pelajar dalam pelbagai bidang, kemahiran atau mata pelajaran. Namun begitu, tidak ada satu modul yang dihasilkan berkisar tentang modul pengajaran kemahiran asas bacaan al-Quran untuk meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran di kalangan murid tahun satu. Oleh itu, penyelidik berhasrat menjalankan kajian dengan membangunkan satu Modul Pengajaran al-Quran yang dinamakan al-Alaq (MPaA)

untuk membantu guru mengajar kemahiran bacaan al-Quran bagi meningkatkan kemahiran asas bacaan al-Quran yang terdapat dalam DSKP Tahun Satu. Modul ini merupakan modul yang berfokus pengguna dengan menggunakan pelbagai kaedah yang seimbang bagi menangani kepelbagaian kecerdasan dalam diri murid-murid Tahun Satu. Antara elemen-elemen yang digunakan seperti visual, simbol, pergerakan, muzik, irama lagu tradisional kanak-kanak dan emosi dalam mempelajari kemahiran asas bacaan al-Quran. Oleh itu, modul pengajaran al-Alaq ini diharap dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar Tahun Satu menghasilkan pengajaran yang berkesan berdasarkan modul yang disediakan. Seterusnya membantu murid-murid Tahun Satu menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran dengan lebih cepat dan berkesan di samping membantu murid yang keciciran atau buta al-Quran ke arah penguasaan kemahiran asas bacaan al-Quran sekurang-kurangnya menguasai Iqra empat dan mencapai KPI tilawah al-Quran Tahun Satu.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji kesan Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) dalam meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran bagi murid-murid Tahun Satu sekolah kebangsaan. Objektif-objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

i) Membangunkan Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) untuk meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran murid Tahun Satu.

ii) Mengkaji kesan Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) terhadap peningkatan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahun Satu.

iii) Mengkaji kesan Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) terhadap pengekalan peningkatan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahun Satu.

vi ) Mengenal pasti kualiti Modul Pengajaran al-Alaq terhadap peningkatan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahun Satu dalam aspek kualiti kandungan, kualiti potensi keberkesanan dan kualiti kepuasan pengguna.

## 1.5 Persoalan Kajian

Berikut ialah persoalan-persoalan kajian:

i) Bagaimanakah proses-proses membangunkan Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) untuk meningkatkan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahun Satu?

ii) Adakah Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) berkesan terhadap peningkatan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahun Satu?

iii) Adakah Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) berkesan terhadap pengekalan peningkatan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahun Satu?

iv) Adakah Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) mempunyai kualiti kandungan, kualiti potensi keberkesanan dan kualiti kepuasan pengguna terhadap peningkatan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran Tahun Satu?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Soalan kajian satu melibatkan kajian proses pembinaan modul maka tiada hipotesis kajian terlibat. Berdasarkan persoalan kajian yang kedua penyelidik membentuk sembilan hipotesis nol ($H_o$) untuk menjawab persoalan-persoalan kajian. Penyelidik membahagikan hipotesis kajian kepada dua bahagian iaitu hipotesis utama dan hipotesis sub seperti berikut.

Hipotesis nol utama 1:

$H_{o1}$ : Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *fathah (ـَ)* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Sub hipotesis:

$H_{o1a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *fathah (ـَ)* dalam kalangan murid Tahun Satu.

$H_{o1b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *fathah (ـَ)* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis nol utama 2:

$H_{o2}$ : Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *kasroh (◌ِ)* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis Sub:

$H_{o2a}$Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *kasroh (◌ِ )* dalam kalangan murid Tahun Satu.

$H_{o2b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *kasroh (◌ِ)* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis nol utama 3:

$H_{o3}$ : Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *dommah (◌ُ)* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis Sub:

$H_{o3a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *dommah (◌ُ )* dalam kalangan murid Tahun Satu.

$H_{o3b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran sebutan bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris *dommah (ُ )* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis nol utama 4:

$H_{o4}$ : Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung berbaris satu *fathah (َ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

Hipotesis Sub:

$H_{o4a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung berbaris satu *fathah (َ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

$H_{o4b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung berbaris satu *fathah (َ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

Hipotesis nol utama 5:

$H_{o5}$ : Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran

bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung pelbagai baris ([ َ], [ ِ ], [ ُ]) dalam kalangan murid Tahun Satu?

Hipotesis Sub:

$H_{o5a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung pelbagai baris ([ َ], [ ِ ], [ ُ]) dalam kalangan murid Tahun Satu?

$H_{o5b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung pelbagai baris ([ َ], [ ِ ], [ ُ]) dalam kalangan murid Tahun Satu?

Hipotesis nol utama 6:

$H_{o6}$ Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi huruf *mad asli (alif [ا] waw [و]* dan *ya [ي])* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis Sub

$H_{o6a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi huruf *mad asli (alif [ا] waw [و]* dan *ya [ي])* dalam kalangan murid Tahun Satu.

$H_{o6b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi huruf *mad asli (alif [ا] waw [و]* dan *ya [ي])* dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis nol utama 7:

$H_{o7}$ Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *tanwin* (*fathatain [ ً ]*, *kasrotain [ ٍ ]* dan *Dommatain [ ٌ ]*) dalam kalangan murid Tahun Satu.

Sub hipotesis

$H_{o7a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *tanwin* (*fathatain [ ً ]*, *kasrotain [ ٍ ]* dan *dommatain [ ٌ ]*) dalam kalangan murid Tahun Satu.

$H_{o7b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *tanwin* (*fathatain [ ً ]*, *kasrotain [ ٍ ]* dan *dommatain [ ٌ ]*) dalam kalangan murid Tahun Satu.

Hipotesis nol utama 8:

$H_{o8}$ Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan

kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *sukun (ْ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

Hipotesis Sub

$H_{o8a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *sukun (ْ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

$H_{o8b}$ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *sukun (ْ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

Hipotesis nol utama 9:

$H_{o9}$ Tidak terdapat kesan signifikan berdasarkan waktu ujian (pra, pos dan pos lanjutan) terhadap min skor pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *shaddah (ّ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

Hipotesis Sub

$H_{o9a}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pra dan min skor ujian pencapaian pos terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *shaddah (ّ )* dalam kalangan murid Tahun Satu?

$H_{o9b}$ : Tidak terdapat perbezaan signifikan pada min skor ujian pencapaian pos dan min skor ujian pencapaian pos lanjutan terhadap kemahiran asas bacaan al-Quran bacaan kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *shaddah* (ّ ) dalam kalangan murid Tahun Satu?

## 1.7 Definisi Operasional

Penyelidik menggunakan beberapa istilah yang menerangkan aspek-aspek penting dalam kajian ini yang perlu dijelaskan adalah seperti berikut;

### 1.7.1 Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA)

Modul Pengajaran al-Alaq (MPaA) merupakan modul pengajaran yang dibangunkan oleh penyelidik dalam kajian ini untuk kegunaan guru Pendidikan Islam sebagai panduan menjalankan aktiviti dan kaedah pengajaran yang dirancang bagi murid-murid Tahun Satu. Kemudian penyelidik akan mengenal pasti kesan aplikasi modul tersebut terhadap peningkatan pencapaian kemahiran asas bacaan al-Quran dalam kalangan murid Tahun Satu. Modul ini mengandungi sembilan kemahiran asas bacaan al-Quran yang digariskan dalam Dokumen Standard dan Pentaksiran Tahun Satu, 2015 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

### 1.7.2 Kemahiran Asas Bacaan Al-Quran

Penyelidik merujuk kepada sebahagian kemahiran bacaan al-Quran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran Tahun 1 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015) Tahun Satu. Dalam kajian ini juga penyelidik tidak memberi penekanan kepada hukum tajwid kerana kemahiran yang difokuskan dalam kajian tidak melibatkan hukum tajwid. Kemahiran tersebut ialah :

a) Menyebut bunyi huruf *hijaiyah* tunggal berbaris satu (*fathah [ ◌َ ], kasroh [ ◌ِ ]* dan *dommah [ ◌ُ ]* ).

b) Membaca kalimah huruf *hijaiyah* bersambung berbaris *fathah ( ◌َ )* contohnya ( كَتَبَ )

c) Membaca kalimah huruf *hijaiyah* bersambung berbaris satu; (*fathah [ ◌َ ], kasroh [ ◌ِ ]* dan *dommah [ ◌ُ ]* ) contohnya ( قُتِلَ ).

d) Membaca kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi huruf *mad asli* (ا, و dan ي) contohnya (مَا,قُولُو ,سَاجِدِي,).

e) Membaca kalimah huruf *hijaiyah* yang mempunyai baris dua (*fathatain [ ◌ً], kasrotain [ ◌ٍ ]* dan *dommatain [ ◌ٌ ] )* contohnya (سَمِيعًا)

f) Membaca kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *sukun* ( ◌ْ ) contohnya ( حَمْدُ ).

g) Membaca kalimah huruf *hijaiyah* bersambung yang mengandungi baris *shaddah* ( ◌ّ ) contohnya ( رَتَّلَ ).

### 1.7.3 Pengekalan

Pengekalan bermaksud maklumat yang dipelajari dapat didefinisikan sebagai menyimpan maklumat dalam ingatan jangka panjang sedemikian rupa sehingga dapat diambil dengan mudah, misalnya, sebagai tindak balas kepada sesuatu situasi, iaitu proses pembelajaran dalam satu konteks diterapkan untuk menyelesaikan masalah atau memahami situasi dalam konteks yang berbeza (Bennett & Rebello, 2012). Berdasarkan kajian literatur, didapati penggunaan konsep pengekalan dalam konteks pendidikan sebagai penguasaan kemahiran menyebabkan berlaku peningkatan dalam

pencapaian setelah menjalani beberapa sesi pengajaran dan pembelajaran (Al-Helal et al., 2017; Gillespie et al., 2014; Nabil et al., 2011; Tan et al., 2019; Türkay, 2016; Van, 2014). Manakala Partiprajak dan Thongpo (2016) menggunakan pengekalan dalam konteks kajian beliau sebagai pencapaian tekal dan tidak meningkat. Namun begitu, dalam konteks kajian penyelidik pengekalan yang dimaksudkan ialah kemahiran bacaan yang diajar dapat dikuasai dan berlaku peningkatan atau kekal pencapaian sekurang-kurangnya sehingga ujian pos lanjutan

### 1.7.4 Huruf-Huruf *Hijaiyah*

Huruf *hijaiyah* ialah huruf-huruf Arab yang dimulai dengan huruf *alif* (ا) dan diakhiri dengan huruf *ya* (ي). Penyelidik mempunyai pendapat yang berbeza dengan jumlah huruf *hijaiyah* antaranya menyatakan jumlah huruf *hijaiyah* 28, 29 dan 30 (Fadli & Ishaq, 2019; Noor & Lutviani, 2016). Penyelidik merujuk kepada jumlah huruf *hijaiyah* adalah sebanyak 29 kerana merangkumi huruf *hamzah* (ء). Huruf-huruf yang dinyatakan terdapat nama, lambang dan bunyi yang tertentu. Huruf-huruf berkenaan gagal dibunyikan dengan sendirinya jika tidak digabungkan dengan tanda baris. Huruf-huruf tersebut dibincangkan dalam sub topik 2.6 Bab 2.1.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan atas kepentingan berikut; rasional pertama pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan literatur kajian penyelidik yang mendapati masalah penguasaan murid tentang bacaan al-Quran masih wujud sehingga dibincangkan di peringkat kebangsaan (Ab. Halim Tamuri et al., 2015). Jika isu ini berterusan dan tidak ditangani dengan baik, dibimbangi generasi mendatang akan menjauhi al-Quran dan tidak menjadikannya sebagai panduan kehidupan. Tambahan pula, pelajar-pelajar kini

sudah terdedah dengan perkembangan dan penggunaan gajet-gajet, jika tidak dikawal, dikhuatiri fenomena tersebut akan menyumbang ke arah pengabaian amalan bacaan al-Quran serta mempelajarinya. Selain itu, mereka juga mudah dipengaruhi oleh budaya-budaya yang tidak sihat melalui penggunaan gajet-gajet yang tidak dikawal oleh ibu bapa (Hasanah, 2017).

Kekuatan iman dan kerohanian yang mantap dalam diri pelajar boleh menjadi salah satu benteng yang kukuh dalam diri pelajar agar mereka terhindar daripada terlibat dalam kancah sosial yang membimbangkan. Oleh itu, salah satu cara untuk meningkatkan kekuatan iman adalah dengan membaca al-Quran dan mengamalkan apa yang terdapat di dalamnya. Hal ini, telah dinyatakan dalam al-Quran, Allah berfirman;

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا
وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (2) الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ (3) أُولَئِكَ هُمُ
الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ( 4)

*"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut nama Allah, gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman mereka (kerananya) dan kepada Rabbnyalah mereka bertawakkal,(2)iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan yang menafkahkan sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka (3). Itulah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka akan memperoleh beberapa darjat ketinggian di sisi Rabbnya dan ampunan serta rezeki (nikmat) yang mulia (4).(*(Muhammad, 2003)

(Surah al-Anfal, 8: 2-4).

Dalam ayat ini Ibn Katsir menafsir ayat di atas tentang sifat-sifat orang mukmin apabila disebut nama Allah SWT maka hati mereka menjadi lembut, terkejut dan takut kepada Allah SWT. Apabila dibaca ayat-ayat al-Quran ke atas mereka, maka

bertambah iman mereka. Persoalannya bagaimana benih-benih keimanan dapat diterapkan dalam kehidupan jika individu tersebut tidak boleh membaca al-Quran dengan baik atau buta huruf.

Selain itu, al-Quran merupakan sumber petunjuk kepada semua muslim yang beriman. Ini selari dengan firman Allah

Allah berfirman;

الٓمٓ (1) ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ (2)

*Alif laam miim (1) Kitab (al-Quran) ini, tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa, (2).* (Muhammad, 2003)

(Surah al-Baqarah, 1: 2)

Berdasarkan tafsir Ibn Katsir maksud al-kitab dalam ayat tersebut ialah kitab al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT yang tiada ragu-ragu di dalamnya. Kedua-dua ayat di atas menjelaskan tentang kepentingan al-Quran sebagai panduan hidup yang mempunyai nasihat-nasihat yang bermanfaat untuk setiap individu muslim yang beriman. Selain itu, datangnya al-Quran berperanan sebagai penyembuh segala penyakit rohani. Adalah menjadi satu perkara yang sangat penting kepada individu muslim untuk mempelajari membaca dan memahami isi-isi al-Quran.

Selain itu, kepentingan pelaksanaan kajian ini juga adalah untuk mengetahui punca murid-murid Tahun Satu tidak dapat menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran bermula di peringkat Tahun Satu. Kemudian mencari kaedah dan pendekatan yang sesuai untuk mengatasi isu tersebut agar mereka dapat mengenal dan menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran dengan baik bermula dari peringkat sekolah

kebangsaan lagi. Dengan itu, secara tidak langsung minat, cinta dan pengamalan al-Quran dalam kehidupan mereka dapat disuburkan.

Kepentingan kedua pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan literatur yang dijalankan. Analisis penyelidik mendapati bahawa kebanyakan kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan Pendidikan Islam khususnya dalam bidang al-Quran lebih berfokus kepada kajian keberkesanan program j-QAF dan tidak banyak yang menghasilkan inovasi kaedah baharu atau modul pengajaran dan pembelajaran al-Quran khususnya kepada guru dan murid-murid sekolah kebangsaan. Berdasarkan kajian awal penyelidik yang dilaksanakan secara temu bual, didapati dalam pengajaran al-Quran di Tahun Satu sekolah kebangsaan, guru hanya diberi kaedah *lqra* dan tidak diberi pendedahan secukupnya tentang kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk dipraktikkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Tambahan pula guru perlu merancang dan menggunakan kemahiran dan kreativiti tersendiri untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran al-Quran Tahun Satu. Kadang-kadang guru tidak sempat merancang aktiviti dengan baik. Mereka hanya menggunakan sumber sedia ada kerana kekangan masa dan beban tugas yang ditanggung(Abdul Sukor et al., 2006; Norashid & Hamzah, 2014). Pada hakikatnya kaedah *Iqra* yang digunakan sekarang hanya sesuai untuk sesi pengajaran yang bersifat individu dengan menggunakan kaedah *Talaqqi Musyafahah* dan kaedah ini tidak sesuai untuk dilaksanakan dalam jumlah murid yang ramai seperti di dalam kelas (Norsyida & Sedek, 2014). Hal ini akan menyebabkan berlakunya pengabaian murid. Apabila sesi *talaqqi musyafahah* dilakukan, sebahagian murid terabai kerana ada ruang menunggu giliran dan kadang-kadang tidak sempat sampai giliran murid untuk membaca kerana masa sudah tamat.

Pembelajaran abad ke-21 amat mementingkan pembelajaran berpusatkan murid. Kaedah pembelajaran ini melibatkan proses komunikasi, kolaborasi, penjanaan pemikiran kritis dan kreatif serta membentuk nilai dan jati diri dalam diri murid (Nor Hazizah & Aniza, 2020). Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini penyelidik menghasilkan satu inovasi modul pengajaran tentang kaedah pengajaran terkini iaitu Modul Pengajaran al-Alaq. Modul ini dibangunkan berlandaskan gabungan satu teori dan tiga model pembelajaran yang dapat menghasilkan satu pengintegrasian yang mantap secara seimbang dalam menghasilkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang menyeronokkan dan seimbang mengikut tahap pencapaian dan kemampuan murid-murid Tahun Satu. Pada masa yang sama, mereka dapat mempelajari kemahiran asas bacaan al-Quran dengan lebih mantap dan berkesan. Modul pengajaran ini juga dihasilkan sebagai modul dan kaedah alternatif menampung kepada kelompangan-kelompangan kaedah dan modul-modul yang sedia ada yang terdapat di pasaran. Dengan harapan MPaA ini akan memenuhi keperluan guru Pendidikan Islam sebagai panduan bagi melaksanakan pengajaran kemahiran asas bacaan al-Quran yang berkesan dan menarik serta dapat mempertingkatkan tahap bacaan kemahiran tersebut dengan lebih baik.

## 1.9 Limitasi Kajian

Menurut (Creswell, 1994), penyelidik perlu mengecilkan skop kajian dan fokus terhadap isu yang hendak dikaji agar urusan penyelidikan menjadi mudah. Oleh hal yang demikian, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua murid kerana kajian ini mempunyai limitasi dalam aspek-aspek berikut;

### 1.9.1 Kemahiran Asas Bacaan Al-Quran Tahun Satu

Kemahiran asas bacaan al-Quran Tahun Satu merujuk kepada kemahiran bacaan al-Quran yang perlu dipelajari oleh murid-murid Tahun Satu. Kemahiran ini merupakan kemahiran bacaan awal murid-murid Tahun Satu yang perlu dipelajari sebelum mereka boleh mempelajari kemahiran bacaan al-Quran yang lebih tinggi. Kemahiran asas bacaan al-Quran ini, dibincang secara mendalam dalam Bab 2 sub topik 2.6.

### 1.9.2 Tempoh Pelaksanaan

Tempoh masa pelaksanaan penyelidikan ini selama lima belas minggu merangkumi satu minggu untuk taklimat dan latihan guru, tiga minggu untuk pengujian ujian pra dan pasca dan dua belas minggu untuk intervensi Modul Pengajaran al-Alaq dan selepas empat minggu penyelidik akan mengulangi ujian pos lanjutan untuk mengenal pasti ketekalan Modul Pengajaran al-Alaq. Tempoh masa ini sebenarnya terhad kepada penyelidik bagi melaksanakan intervensi Model Pengajaran al-Alaq memandangkan penyelidik perlu menghabiskan penyelidikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

### 1.9.3 Penggunaan Gambar atau Visual Bahasa Inggeris dan Dialek Tempatan Untuk Menggambarkan Sesuatu Sebutan Huruf Hijaiyah Yang Berbaris.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa perkataan Bahasa Inggeris dan Dialek Kedah sebagai panduan pembaca untuk menyebut huruf hijaiyah tunggal berbaris pelbagai baris. Penggunaan tersebut digunakan kerana dapat memberi gambaran yang jelas tentang huruf hijaiyah yang hendak disebut kerana gambar yang digunakan bersesuaian dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada pembaca. Walau bagaimanapun, sesetengah perkataan Bahasa Inggeris dan dialek tidak dapat

memberi sebutan yang jelas kepada sebutan sesuatu huruf hijaiyah yang disebut atau dibaca. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab guru untuk membetulkan sebutan yang betul terhadap bacaan murid selepas mereka dapat menyebut huruf hijaiyah dengan panduan gambar yang digunakan.

## 1.10 Kesimpulan

Dalam bab satu penyelidik telah menjelaskan gambaran keseluruhan terhadap kajian yang dijalankan. Bahagian ini merangkumi latar belakang kajian dan pernyataan masalah dan kelompongan yang perlu dikaji dan diberi perhatian. Seterusnya penyelidik juga meletakkan objektif-objektif kajian yang dihasratkan serta persoalan kajian dan hipotesis yang hendak dibuktikan. Selain itu, penyelidik turut menyenaraikan kepentingan kajian terhadap masa depan serta batasan-batasan kajian.